

MAKLUM BALAS MEDIA

SURAT KEPADA PENGARANG “Kibar Jalur Gemilang Buktikan Kesetiaan”

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Perdana Menteri ingin merujuk kepada artikel yang bertajuk “**Kibar Jalur Gemilang Buktikan Kesetiaan**” bertarikh **21 Julai 2011** oleh **Shah, Subang Jaya Selangor**.

Untuk makluman, JPNIN adalah sebuah agensi yang dipertanggungjawab untuk memastikan tahap keharmonian dan hubungan antara kaum dalam keadaan baik dan harmoni. Ini termasuklah dengan mengadakan pelbagai program yang dirancang menerusi aktiviti di Kawasan Rukun Tetangga di seluruh negara demi mewujudkan suasana positif antara kaum dalam komuniti. Justeru itu, dalam usaha untuk membina semangat patriotisme di kalangan masyarakat, JPNIN sentiasa berusaha untuk memastikan setiap program yang dilaksanakan dapat menimbulkan kesedaran kepada masyarakat umum tentang peri pentingnya semangat kebangsaan dalam menjulang Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai tunjang utama negara.

Bagi menyokong hasrat berkenaan, pada setiap tahun JPNIN melaksanakan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang secara bersepadu di peringkat negeri, daerah dan Kawasan Rukun Tetangga. Antara jenis aktivitinya ialah Ekspedisi Berkonvoi Jalur Gemilang, Pertandingan Memasang Dan Menghias Jalur Gemilang, Membina Gerbang Jalur Gemilang, Pertandingan Melukis dan sebagainya. Kempen seperti ini juga dilaksanakan oleh jabatan serta agensi kerajaan yang lain termasuk Badan-Badan Bukan Kerajaan, pihak swasta dan juga kelab serta pertubuhan lain antara bulan Julai sehingga 16 September (Sambutan Hari Malaysia).

Pada setiap tahun kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan setiap premis, gedung perniagaan bangunan, Jabatan Kerajaan dan setiap rumah memasang Jalur Gemilang sebagai tanda cinta kita kepada negara Malaysia. Begitu juga dengan kenderaan samada lori, bus, teksi dan kereta persendirian, mereka diminta memasang Jalur Gemilang. Untuk mempertahankan perpaduan bukanlah kerja yang mudah, tetapi usaha pelbagai pihak dan berterusan perlulah digarap bersama bagi menyemai semangat kebangsaan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang begitu menginginkan keamanan dan keharmonian tanpa didokongi oleh anasir yang boleh memecah belahkan perpaduan negara.

Disediakan oleh :

Unit Perhubungan Awam
Bahagian Korporat
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Jabatan Perdana Menteri

Tarikh : 21 Julai 2011